

Manuscript Received Date: 12 March 2019

Manuscript Accepted Date: 15 April 2019

DOI: <https://doi.org/10.33102/ulum.2019.27.07>

Book Review/Ulasan Buku

AL-MUHADDITHAT: THE WOMEN SCHOLARS IN ISLAM, oleh Mohammad Akram Nadwi. Oxford: Interface Publications Ltd. 2007. 314 halaman. ISBN 978-09554545-1-6

Nur Saadah bt Hamisan@Khair, Dr.

Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

saadahkhair@usim.edu.my

Abstract

The book entitled *Al-Muhaddithat: The Women Scholars in Islam* was written by Mohammad Akram Nadwi, and it was published by Interface Publications Ltd. in 2007. It was the result of a study of more than 15 years to produce 40 volumes of Muslim biographies of the women scholars of hadiths which were written in Arabic, and this book is an early introduction which was written in English. The author has explained in the pre-book as an introduction regarding the purpose of writing this book. It contains ten chapters. Each chapter is equipped with footnotes, and the list of references consists of classical sources (*turāth*) and Arabic manuscripts arranged alphabetically. Although this book is a preamble to the wider series of books, it was a great effort and has received a very positive response among readers. It is reasonable as compulsory reading material by the academicians and students who are directly involved in the field of Hadith, but it is also not too heavy to be used as general reading for the public who are keen to explore the culture of knowledge practiced by women who are known as *al-muhaddithāt*.

Abstrak

Buku yang berjudul *Al-Muhaddithat: The Women Scholars in Islam* ditulis oleh Mohammad Akram Nadwi, dan telah diterbitkan oleh Interface Publications Ltd. pada tahun 2007. Ia adalah hasil kajian selama lebih daripada 15 tahun untuk menghasilkan 40 jilid kamus biografi ulama wanita hadis Nabi yang ditulis dalam bahasa Arab, dan buku ini merupakan pengenalan awal kepada kamus tersebut yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Hal ini dijelaskan di dalam pra kata buku sebagai pengenalan kepada tujuan buku ini ditulis. Ia mengandungi sepuluh bab. Setiap bab dilengkapi dengan nota kaki, dan senarai rujukannya terdiri daripada sumber klasik (*turāth*) dan manuskrip Arab yang disusun mengikut abjad. Walaupun buku ini merupakan mukaddimah kepada siri buku yang lebih luas, ia merupakan usaha yang sangat besar dan telah pun mendapat respon yang sangat positif dalam kalangan pembaca. Ia wajar dijadikan bacaan wajib oleh para akademik dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam bidang hadis, tetapi ia juga tidak begitu berat untuk dijadikan bacaan umum untuk orang awam yang berminat untuk mendalami budaya ilmu yang telah dipraktikkan oleh para wanita yang bergelar *al-muhaddithāt*.

Pendahuluan

Hadis adalah salah satu sumber terpenting di dalam Islam selepas al-Quran. Pemeliharaan hadis dilakukan secara berperingkat yang mempunyai proses berbeza berbanding Quran,

dan ia berhadapan dengan cabaran hebat disebabkan oleh beberapa pihak yang menggunakan hadis untuk kepentingan peribadi. Justeru, ulama hadis mempunyai

kredibiliti dan keunikan masing-masing dalam usaha mereka memelihara hadis-hadis Nabi. Peranan ini tidak bergantung sepenuhnya kepada lelaki kerana wanita juga mempunyai peranan yang sama. Bermula pada zaman Rasulullah SAW, wanita berperanan menjadi perawi hadis dan terlibat dalam penyebaran hadis. Sebagai perawi, wanita tidak berbeza dengan lelaki kerana syarat utama yang menentukan kesahihan sesebuah hadis tidak berdasarkan jantina seseorang perawi tetapi syarat yang telah ditetapkan menurut Ibn al-Salah (w. 643H/1245M) ialah “bersambung sanadnya, perawinya perlulah seorang yang adil (tidak berdusta) dan sempurna *dābitnya* (ingatannya), dan riwayatnya tidak *syādh* (bebas daripada percanggahan) dan tidak ada *‘illah* (kecacatan).” Malah, tidak ditemui satu pun pandangan negatif terhadap ulama wanita yang meriwayatkan hadis, melainkan pujian daripada ulama. Sebagai contoh, Imam al-

Dhahabi (w. 748H/1347M) berkata dalam bukunya *Mizān al-ʿItidāl*, “Saya tidak tahu mana-mana wanita yang dituduh pernah memalsukan hadis.” Imam al-Shawkani juga berkata, “Tidak dilaporkan oleh mana-mana ulama bahawa dia menolak hadis yang diriwayatkan oleh seorang wanita kerana perawi adalah seorang perempuan.” Pernyataan-pernyataan ini menunjukkan bahawa para ulama wanita berperanan sebagai perawi hadis mempunyai reputasi yang baik sebagai orang yang adil, benar dan dipercayai. Menariknya, Ignaz Goldziher (1977), salah seorang orientalis terkenal juga mengiktiraf peranan wanita dalam bidang hadis, diikuti dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh Jonathan Berkey (1992), Zubayr Siddiqi (1993), Ruth Roded (1994), Hisham Kabbani dan Laleh Bakhtiar (1998), Omaima Abou-Bakr (2003), Asma Sayeed (2005), dan Mohammad Akram Nadwi (2007).

Penulis Buku

Mohamad Akram Nadwi adalah salah seorang cendekiawan Islam yang paling penting di dunia Barat hari ini. Dilahirkan pada tahun 1964, dan memegang beberapa jawatan penting seperti Dekan di Cambridge Islamic College, Pengetua di Institut Al-Salam, dan Fellow Pelawat Kehormat di Markfield Institute of Higher Education, United Kingdom. Beliau melanjutkan pengajian di Lucknow University dalam bidang ekonomi dan kemudiannya menyempung ijazah kedoktoran dalam

Kesusasteraan Arab di universiti yang sama. Beliau mempunyai pengalaman mengajar dan menulis lebih dari 30 tahun, dan buku-buku yang ditulisnya yang berkaitan Tatabahasa Arab (*al-Nahw*), Morfologi (*al-Ṣarf*) dan Prinsip (*Uṣūl*) Tafsir, Hadis dan Fiqh banyak digunakan di seluruh dunia di madrasah, institut dan kolej Islam. Beliau juga tersenarai dalam kalangan 500 Muslim yang paling berpengaruh di dunia (The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2018).

Ulasan Buku

Buku yang berjudul *Al-Muhaddithat: The Women Scholars in Islam* adalah antara buku penulis yang mendapat sambutan yang menggalakkan. Ia adalah hasil kajian selama lebih daripada 15 tahun untuk menghasilkan 40 jilid kamus biografi ulama wanita hadis Nabi yang ditulis dalam bahasa Arab, dan buku ini merupakan pengenalan awal kepada kamus tersebut yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Hal ini dijelaskan di dalam pra kata buku sebagai pengenalan kepada tujuan buku ini ditulis. Penulis juga menekankan bahawa buku ini tidak termasuk di bawah kajian wanita kerana ia bukan sebahagian daripada kepakaran beliau, walaupun demikian, penulis mengalukan untuk menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan dalam mana-mana kajian

wanita. Penulis juga menjelaskan bahawa buku ini tidak bertujuan untuk membangkitkan soalan “jika lelaki boleh, kenapa wanita tidak boleh?” kerana ia boleh disangkal dengan tiga perkara. Pertama, penulis menemui bahawa kesemua wanita yang dikajinya tidak menjadikan tanggungjawab mereka di rumah sebagai alasan mereka ditindas. Kedua, penulis menekankan bahawa persoalan yang lebih wajar dibangkitkan ialah apa yang boleh dilakukan berbanding apa yang tidak boleh dilakukan dalam kalangan wanita. Ketiga, penulis menolak pandangan bahawa perbezaan jantina adalah antara faktor yang menyekat kebebasan seseorang kerana wanita dan lelaki mempunyai peluang yang sama dan menunaikan tanggungjawab yang sama sebagai

Muslim walaupun pada hakikatnya mereka berbeza. Biar pun wanita perlu mengikut beberapa ketetapan agama seperti hijab dan aurat, tetapi ia tidak menjadi halangan buat mereka untuk terus menyumbang seperti mana yang telah dibuktikan oleh al-muhaddithat. Prakata ini juga mengandungi penghargaan yang ditujukan penulis kepada semua individu dan pihak yang membantu dalam penulisan buku ini, dan penulis mengharapkan agar buku ini membawa kebaikan kepada semua pembaca.

Buku yang diterbitkan pada tahun 2007 ini mengandungi sepuluh bab. Setiap bab dilengkapi dengan nota kaki, dan senarai rujukannya terdiri daripada sumber klasik (*turāth*) dan manuskrip Arab yang disusun mengikut abjad. Merujuk kepada senarai nama yang terdapat dalam indeks, ia dibahagikan kepada empat bahagian: nama para sahabat dan tabi'in, nama ulama wanita yang bukan dalam kalangan sahabat dan tabi'in, nama ulama lelaki yang bukan dalam kalangan sahabat dan tabi'in, dan nama tempat. Buku ini juga mengandungi gambar-gambar seperti masjid dan bangunan yang menjadi pusat pembelajaran hadis untuk wanita, sisipan manuskrip hadis sama ada yang ditulis oleh wanita dan diijazahkan kepada wanita, carta penyusunan sanad hadis dan juga peta yang menunjukkan lokasi asal ulama wanita. Dikatakan bahawa peta yang digunakan di atas kulit buku ini adalah pengembaraan ilmu yang dilalui oleh Fatimah binti Sa'd al-Khayr dan pelajarnya. Beliau berpindah dari Valencia dengan bapanya yang merupakan pedagang dan juga ulama ke China, kemudian mengembara ke arah barat, menetap paling lama di Baghdad, dan mengajar di Kaherah (kisahnya terkandung dalam Bab 3).

Bab Pendahuluan dibuka dengan kenyataan bahawa kemunculan wanita sebagai seorang ulama yang arif dalam bidang agama mungkin mengejutkan ramai pihak terutama dunia Barat. Penulis menekankan bahawa wanita di dalam Islam bukanlah seperti yang disangkakan sebagai golongan yang ditindas dan dianiaya, malah mereka juga adalah ilmuwan dan agamawan yang dijadikan tempat rujukan. Di dalam bab ini juga, penulis menjelaskan definisi *al-muhaddithat* dengan memberi penjelasan kepada takrifan hadis dan

kepentingan hadis sebagai salah satu sumber Islam. Jika lelaki, mereka yang arif dalam bidang hadis digelar *muhaddith*, wanita pula digelar sebagai *muhaddithah*, dan jika merujuk kepada kata nama untuk ramai ialah *muhaddithāt*. Wanita yang digelar *muhaddithāt* adalah wanita yang berpengetahuan tinggi dalam pengajian hadis, yang jarang diketengahkan seperti mana wanita yang mahir dalam bidang fiqh, fatwa atau tafsir. Oleh yang demikian, penulis memilih untuk mengkaji golongan wanita ini dan sumbangan besar mereka di dalam penyebaran ilmu secara am, dan hadis secara khusus. Bab ini juga adalah penting buat penulis merungkakan tiga perkara utama: pertama, kesan keseluruhan al-Quran dan Sunnah dalam mengubah sikap terhadap wanita; kedua, kandungan al-Quran dan Sunnah yang memelihara hak-hak wanita; dan ketiga, tindakan yang diambil oleh wanita untuk memperjuangkan hak-hak mereka. Penulis juga memberikan beberapa contoh ulama wanita beserta usaha-usaha mereka dalam mendalami al-Quran dan Sunnah dan mempraktikkan kandungan kedua-dua sumber Islam ini di dalam kehidupan harian mereka. Malah, wanita-wanita yang digelar *muhaddithāt* ini hanya menjalankan tanggungjawab mereka berdasarkan panduan Islam tanpa bertindak menyerang jantina lain mahupun mengangkat diri mereka menjadi golongan yang lebih baik daripada yang lain.

Bab Pertama, merupakan bab yang dikhususkan oleh penulis kepada syarat-syarat yang sah untuk meriwayatkan hadis Nabi SAW. Bab ini penting untuk memaklumkan bahawa jantina tidak menjadi syarat bagi menentukan kesahihan sesebuah hadis. Penulis menjelaskan bahawa periwayatan hadis mempunyai perbezaan dengan hukum untuk menjadi saksi. Ini adalah kerana dua saksi wanita menyamai seorang saksi lelaki seperti yang dinyatakan dalam ayat 282 Surah al-Baqarah perlu difahami secara konteks dan tidak diaplikasi dalam semua perkara. Walaupun demikian, tiada beza bagi bilangan lelaki dan wanita dalam periwayatan hadis seperti yang telah dipersetujui oleh para ulama. Penulis juga mendatangkan beberapa contoh yang menunjukkan bahawa hadis yang diriwayatkan oleh wanita telah diterima (atau tidak) sebagai asas keputusan undang-undang, mengikut kaedah biasa yang dijalankan, dan

bukan kerana para perawi adalah dari kalangan wanita. Sebagai contoh, hadis Fatimah binti Qays tentang tempoh wanita untuk berkahwin semula selepas kematian suami, dan hadis Aisyah binti Abu Bakar tentang hubungan anak dan ibu susuannya.

Dalam **Bab Kedua** yang bertajuk “Wanita sebagai Penuntut dan Pelajar Hadis”, penulis memulakannya dengan peranan Rasulullah SAW sebagai pendidik dan baginda berpeluang mendidik wanita sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Ibu bapa juga berperanan utama untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada anak lelaki dan anak perempuan. Galakkan perlu diberikan kepada wanita untuk menuntut ilmu, dan banyak hadis yang menyokong kepentingan pendidikan terhadap wanita. Penulis memberikan beberapa contoh bahawa Rasulullah SAW sabar dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh wanita atas dasar menuntut ilmu. Disebabkan ini juga, wanita menggunakan peluang untuk meriwayatkan hadis dan berkongsi apa yang diperolehinya kepada mereka yang tidak dapat menyertai kelas-kelas ilmu. Penulis juga memberikan contoh bahawa bapa mempunyai peranan yang sangat besar untuk mendidik wanita, seperti Sa’id ibn al-Musayyab yang mengajarkan hadis kepada anak perempuannya; Malik ibn Anas mengajarkan isi kandungan Muwatta’ kepada anak perempuannya; dan lain-lain. Di samping itu, penulis membawa beberapa contoh *muhaddithāt* yang mendidik diri mereka sendiri tanpa pengaruh sesiapa melainkan diri mereka sendiri, seperti Umm Ayman, Umm Salamah, dan Fatimah binti Qays yang bersungguh-sungguh mencari peluang untuk menuntut ilmu daripada Rasulullah SAW. Sikap berani bertanya dan berani bersuara adalah keistimewaan yang dimiliki khasnya oleh wanita berketurunan Ansar. Malu mereka tidak menghalang mereka untuk belajar lebih banyak dari Nabi, seperti yang dinyatakan oleh 'Aisyah: “Wanita yang terbaik adalah wanita Anṣār; malu tidak menghalang mereka daripada menjadi beragama tentang agama mereka” (*Sahih al-Bukhari*). Pada akhir bab ini, penulis menekankan bahawa wanita berjaya memelihara hadis melalui dua cara iaitu hafazan dan juga penulisan. Wanita menghafal hadis-hadis Nabi SAW sebagaimana

yang dilakukan oleh kaum lelaki. Isteri Nabi dan wanita lain yang mendengar dan menyimpannya di dalam akal dan hati mereka, dan terdapat banyak contoh wanita yang menghafal sejumlah besar hadis, terutamanya Aisyah. Wanita turut mengambil bahagian dalam usaha menulis hadis. Nabi sendiri mengarahkan Shifa binti Abdullah untuk mengajar menulis kepada isterinya Hafsa. Begitu juga dengan Aisyah dan Umm Salamah, dan ramai wanita lain yang terkenal dengan kebolehan untuk menulis. Antara contoh ulama wanita yang menulis kitab mereka sendiri ialah Fatimah binti al-Hasan bin Ali al-Attar, Umm Muhammad Shuhdah, dan Umm Karimah al-Marwaziyyah.

Dalam **Bab Ketiga**, penulis membahaskan secara terperinci bahawa wanita mengembara secara intensif untuk mendalami pengetahuan agama dan secara rutin menghadiri masjid-masjid dan madrasah paling berprestij di seluruh dunia Islam. Bab ini mengumpulkan peristiwa dan kisah pengembaraan wanita serta lokasi yang dituju ketika mereka mempelajari hadis. Penulis memulakan bab ini dengan hadis Nabi SAW yang membolehkan wanita keluar mengembara, tetapi perlu ditemani mahram atau bergerak secara berkumpulan. Wanita mengembara adalah disebabkan tujuan umum seperti menunaikan haji, dan juga dengan tujuan khusus untuk menuntut ilmu. Penulis menyatakan beberapa contoh para wanita mengembara untuk berjumpa dengan Rasulullah, para sahabat, atau guru-guru atas dasar untuk meriwayatkan hadis daripada sumber yang tepat. Tambahan daripada itu, mengembara kerana ilmu mempunyai faedahnya yang tersendiri seperti yang disebut dalam hadis Nabi SAW: “Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga.” Tambahan daripada itu, penulis juga menjelaskan beberapa sumber mencatatkan bahawa kelas-kelas hadis tidak terhad diadakan di masjid atau madrasah sahaja, tetapi diadakan juga di kedai-kedai, kubu, kebun atau pun ladang. Hal ini boleh ditemui di Kufah, Basrah, Baghdad, Wasit dan Damsyik. Walaupun demikian, kelas hadis yang dihadiri oleh wanita kebanyakannya bermula daripada rumah, sama ada guru akan datang mengajar atau mereka yang keluar dan menghadiri kelas di rumah guru-guru mereka.

Wanita-wanita ini bukan sahaja mempelajari hadis tetapi juga mengajarkan hadis di rumah secara peribadi. Penulis melampirkan senarai nama ulama wanita yang pernah menjadi guru dan mengajarkan hadis di rumah Syeikh Muwaffaq al-Din di Damsyik pada tahun 627H, dan bilangan wanita tersebut yang dicatatkan ialah seramai 24 orang. Tambahan daripada itu, penulis juga memperkenalkan lapan cara yang disepakati oleh ulama hadis dalam menerima dan meriwayatkan hadis, dan cara yang digunapakai oleh wanita sama sekali tidak berbeza dengan cara yang dipraktikkan oleh lelaki. Cara-cara tersebut ialah *sama* (mendengar), *al-'arḍ* (mempamerkan), *ijāzah* (mendapat kebenaran), *al-munāwalah* (mempersembahkan), *al-mukātabah* (menyerahkan tulisan), *al-i'lām* (memberitahu), *al-waṣīyyah* (mewasiyatkan), dan *al-wijādah* (memperolehi). Sebagai penutup dalam bab ini, penulis mengkhususkan satu tajuk kecil yang didedikasikan kepada Fatimah binti Sa'd al-Khayr, seorang wanita yang dilahirkan di sebuah pekan yang terletak di timur negara China iaitu Kashgar ketika dalam pengembaraan keluarganya daripada Valencia, Sepanyol, dan beliau meneruskan tradisi mengembara ke serata pelusuk dunia. Peta yang menghiasi kulit buku ini adalah pengembaraan ilmu yang dilalui oleh Fatimah bt. Sa'd al-Khayr dan pelajarnya, dan dilampirkan di dalam halaman 94. Beliau meninggal dunia pada tahun 600H pada usianya 78 tahun di Mesir. Penulis menyatakan bahawa kisah Fatimah dan pengembaraannya dalam menuntut ilmu ditulis sepanjang 20 halaman di dalam buku biografinya yang berjilid besar.

Setelah membicarakan kesungguhan wanita untuk mendalami ilmu hadis, **Bab Keempat** memberi fokus kepada perincian tentang guru-guru yang telah memberi inspirasi kepada para ulama wanita untuk menjadi pakar dalam bidang hadis. Hakikatnya, ulama wanita tidak dibataskan untuk menuntut ilmu daripada wanita sahaja, dan perbezaan jantina tidak menghalang untuk mereka mencari peluang untuk belajar asalkan mematuhi peraturan agama. Penulis menjelaskan bahawa terdapat empat golongan yang menjadi guru kepada para *muhaddithāt*. Pertama, kebiasaannya wanita bermula dengan berguru dengan ahli keluarga mereka tersendiri termasuklah ibu,

bapa, nenek, datuk, suami, dan ahli saudara yang terdekat seperti kakak, abang, makcik dan pakcik. Malah hamba juga menuntut ilmu daripada tuannya seperti yang dilakukan oleh Hafsa binti Sirin yang meriwayatkan hadis daripada Anas bin Malik. Kedua, wanita meneruskan tradisi ilmu dengan guru di luar lingkungan keluarga yang berasal dari kawasan yang sama. Contohnya boleh dilihat pada generasi muslim yang pertama di mana para tabi'in berguru dengan para sahabat di Madinah, termasuklah isteri-isteri Nabi SAW, dan tradisi ini berterusan dengan lama pada generasi-generasi lain. Ketiga, *muhaddithāt* berpeluang untuk berguru dengan ulama yang datang melawat ke kawasan yang didiami mereka. Amalan ini telah dilakukan oleh Safiyyah binti al-Harith al-'Abdari di Basrah ketika mana Aishah singgah bermalam di rumahnya dalam perjalanan pulang ke Madinah. Safiyyah dan beberapa wanita lain di Basrah menggunakan peluang yang ada untuk mempelajari Sunnah daripada Aishah, bertanya hal-hal yang berkaitan hadis dan undnag-undang Islam, dan semuanya telah didokumenkan dengan baik dalam pengumpulan hadis. Keempat, kesempatan untuk meriwayatkan hadis daripada guru-guru yang berasal daripada bandar-bandar lain adalah peluang yang sangat berharga. Antara contohnya ialah Jasrah binti Dajajah al-Amiriyyah yang berasal daripada Kuffah mengembara ke Madinah untuk meriwayatkan hadis daripada Ali ibn Abi Talib, 'A'ishah, Umm Salamah, dan Abu Dharr al-Ghifari. Sekiranya wanita tidak berpeluang untuk mengembara, mereka akan berhubung melalui surat-menyurat, seperti yang dilakukan oleh Fatimah (dikenali juga sebagai Sutaytah), yang mengirim ucapan takziah kepada gurunya Hafiz al-Sakhawi yang kematian saudaranya. Penerimaan ijazah juga adalah medium lain untuk berhubung dengan ulama yang berasal dari bandar lain, contohnya ialah Aishah binti Umar bin Rushayd al-Fihri dari Sabta di Maghribi menerima ijazah dari banyak ulama di Mesir, Mekah, Madinah dan Syria.

Bab Kelima pula mendedahkan bahan bacaan ulama wanita yang menjadi tulang belakang dalam kepakaran mereka. Sumber maklumat mereka berbeza antara satu sama lain berdasarkan kepelbagaian destinasi yang mereka pergi untuk menuntut sesuatu ilmu.

Penulis membuat lakaran umum tentang bagaimana *muḥaddithāt* memperoleh bahan pendidikan yang diterima sama ada secara formal mahupun tidak formal berdasarkan tahun yang berbeza. *Muḥaddithāt* yang hidup pada tiga kurun yang pertama memiliki kelebihan luar biasa kerana berpeluang belajar secara langsung daripada Nabi SAW, para sahabat dan tabi'in. Oleh yang demikian, tiada kitab dan cabang ilmu yang khusus kerana mereka mampu menguasai pelbagai bidang. Bermula pada kurun yang keempat dan kelima hijrah, Nizam al-Mulk Qiwam al-Din Abu Ali al-Hasan bin Ali telah membangunkan beberapa pusat ilmu di Baghdad, Nishapur, Tus dan beberapa tempat lain dengan memperkenalkan bidang ilmu yang luas termasuklah ilmu sains dan sastera. *Muḥaddithāt* pada zaman ini bermula dengan ilmu bahasa Arab dan membina pelbagai kemahiran membaca, menulis, dan berkomunikasi. Kitab *Sahih al-Bukhari* juga menjadi tumpuan dalam kalangan wanita, dan mereka mendalami kitab-kitab hadis seperti Hadis 40 dan lain-lain. Pada kurun ketujuh hingga kurun kesembilan, kesinambungan penyampaian ilmu berterusan dan bidang-bidang ilmu menjadi lebih tersusun. Para wanita meneruskan dalam mendalami ilmu-ilmu agama seperti ulum al-Quran, fiqh, kitab-kitab hadis yang pelbagai, sirah, dan ilmu kalam. Walaupun demikian, penglibatan wanita dilihat menurun pada kurun kesepuluh hingga kurun ketiga-belas, tetapi pendidikan masih berterusan dengan memberi penekanan terhadap aspek bahasa Arab, Quran dan Hadis. Pada kurun keempat belas, walaupun jumlah penglibatan wanita semakin berkurang, masih terdapat lagi beberapa wanita yang mengkhususkan dalam beberapa cabang ilmu yang penting. Penulis juga mengumpulkan jenis-jenis buku hadis yang telah dipelajari para *muḥaddithāt*, antaranya adalah *al-Muwatta'*, *al-Jawāmi'*, *al-Sunan*, *al-Masānid*, *al-Ma'ājim and al-Mashyakhāt*, *al-Arba'ūnāt*, *al-Ajzā'*, dan *al-Musalsalāt*. Bab ini diakhiri dengan senarai lengkap koleksi bacaan yang dimiliki oleh Umm Hani binti Nur al-Din al-Hurmiyyah (w. 871), yang mengkaji lebih daripada 40 kitab daripada ulama-ulama hebat.

Dalam **Bab Keenam**, penulis meneruskan perbincangan dengan peranan wanita dalam menyebarkan ilmu, di mana mereka telah

memegang beberapa peranan penting yang memberi peluang dalam proses ilmu itu berlaku. Terdapat pelbagai contoh yang ditonjolkan oleh penulis mengenai wanita yang menjadi guru kepada para sahabat lelaki, seperti Aishah di mana hampir 300 sahabat meriwayatkan hadis daripadanya. Begitu juga sahabiyyah yang lain seperti Ummu Salamah, Hafshah, Maymunah, Amrah dan lain-lain. Amalan ini berterusan pada generasi berikutnya di mana wanita menjadi tempat rujukan oleh ulama-ulama penting dalam Islam. Sebagai contoh, Hafiz Ibn Asakir meriwayatkan hadis daripada 80 ulama wanita, malah Ibn Taymiyyah, Imam al-Dhahabi, dan Ibn Hajar al-Asqalani juga mempunyai guru wanita dan mengiktiraf kepentingan mereka dalam karya-karya. Penulis juga memberi contoh bahawa hubungan kekeluargaan mempunyai nilai istimewa kepada wanita dalam menyampaikan ilmu. Beberapa contoh telah dikenal pasti bahawa isteri meriwayatkan hadis kepada suaminya, termasuklah contoh-contoh ibu yang meriwayatkan hadis kepada dan daripada anak lelakinya. Kemudian, penulis mengklasifikasikan *muḥaddithāt* dengan bilangan pelajar yang dimiliki oleh mereka. Aishah menduduki tempat yang tertinggi kerana memiliki jumlah pelajar yang paling ramai, tetapi penulis hanya memilih dua ulama wanita dengan menulis nama pelajar-pelajar mereka secara terperinci, iaitu Shuhdah binti Abi Nasr (w. 574) dan Zaynab binti al-Kamal (w. 740). Tambahan daripada itu, bab ini juga menekankan metod yang telah digunakan oleh *muḥaddithāt* dalam penyebaran ilmu. Antara metod tersebut adalah melalui penyampaian lisan, bacaan kepada guru, penulisan, penyampaian ijazah, dan penganjuran majlis-majlis ilmu sama ada dilakukan di rumah, masjid, sekolah dan lain-lain tempat. Bab ini diakhiri dengan sebuah catatan hadis yang telah dibaca kepada Umm al-Fadl binti al-Amin di sebuah taman di Bayt Lahya pada tahun 633H. Ia adalah bukti yang mengandungi nama-nama guru wanita, catatan isnad, dan nama-nama pelajar (lelaki dan wanita) yang hadir pada majlis ilmu tersebut.

Bab Ketujuh mengandungi perbincangan tentang hadis-hadis yang diriwayatkan oleh wanita khususnya dari kalangan sahabat. Penulis telah menemukan kira-kira 2,000 sahabat wanita, dan seramai 130 perawi wanita telah

dicatatkan di dalam Kutub Sittah. Jumlah hadis yang telah diriwayatkan oleh wanita di dalam Kutub Sittah adalah sebanyak 2764 hadis, di mana 2,539 hadis adalah dari kalangan para sahabat. Beberapa contoh-contoh hadis yang diriwayatkan oleh wanita juga diberi oleh penulis di dalam bab ini. Tambahan daripada itu, penulis menjelaskan beberapa kualiti penting yang dimiliki oleh wanita dalam meriwayatkan hadis, antaranya adalah kelancaran naratif, ketepatan fakta, ketekunan, pemahaman, penguasaan ilmu dan butiran kata yang sarat dengan makna dalam meriwayatkan sesuatu hadis. Oleh itu, tidak hairanlah jika terdapat beberapa hadis yang tidak mempunyai sumber lain melainkan daripada wanita-wanita penting, seperti isu membebaskan hamba wanita iaitu Barirah. Penulis juga membincangkan peranan wanita dalam narasi dan penyebaran jenis utama koleksi hadis seperti *jawāmi'*, *sunan*, *masānid*, *ma'ājim*, *arbaīnāt*, *ajzā'* dan *musalsalāt*, sama ada wanita terlibat dalam mempelajarinya ataupun mengajarkannya. Bab ini berakhir dengan tinjauan koleksi kitab-kitab hadis yang khusus yang diriwayatkan sendiri oleh wanita, dan jumlah yang dikumpulkan oleh penulis adalah sebanyak 27 kitab. Perbincangan tentang kepentingan ulama hadis wanita dan hadis yang diriwayatkan wanita juga ditekankan kerana sumbangan besar wanita dalam bidang hadis tidak dapat dinafikan.

Dalam **Bab Kelapan**, penulis mengetengahkan bahawa wanita juga dinilai melalui cabang penting dalam ilmu hadis iaitu *jarḥ* (membatalkan) dan *ta'dīl* (mengesahkan) bagi menentukan kompetensi seseorang untuk meriwayatkan hadis. Penilaian tersebut adalah berdasarkan dua belas kriteria utama yang telah diklasifikasikan oleh Ibn Hajar al-Asqalani (enam positif dan enam negatif). Ulama hadis telah meletakkan perawi wanita dalam semua enam grad positif, bermula dengan tahap kebolehpercayaan yang paling tinggi, iaitu para sahabat, di antaranya isteri dan anak perempuan Nabi. Walaupun demikian, terdapat juga beberapa contoh perawi hadis wanita yang memiliki kriteria negatif, tetapi tiada dari kalangan wanita yang meriwayatkan hadis palsu. Penulis juga menjelaskan bahawa penilaian terhadap hadis yang diriwayatkan oleh wanita juga menjalani proses penilaian yang sama seperti hadis yang diriwayatkan

oleh lelaki, serta dibahagikan ke dalam kategori yang sama iaitu sahih, hasan, dan da'if. Akan tetapi, terdapat beberapa pakar memilih hadis yang diriwayatkan oleh wanita berbanding hadis yang diriwayatkan oleh lelaki dalam kes-kes yang tertentu, disebabkan oleh isناد yang lebih kuat dan lebih jauh daripada mengandungi kesilapan. Selain daripada hal ini, penulis membincangkan juga penglibatan wanita dan sumbangan mereka dalam penilaian dan kritikan kepada perawi lain, dengan menyatakan pandangan ulama beserta contoh-contoh yang rajih. Mengambil contoh yang telah dipraktikkan oleh Aishah, enam cara penilaian telah dikenal pasti iaitu memeriksa hadis dengan Quran; memeriksa hadis dengan hadis yang lebih kuat; memeriksa hadis dengan sunnah Nabi; memeriksa hadis dengan kejadian yang menjadi sebab kepada periwayatan hadis; memeriksa hadis dengan kesulitan yang berlaku di atasnya; dan memeriksa hadis sekiranya terdapat kesilapan dalam menghuraikan makna.

Penulis juga mengambil peluang untuk mengumpulkan *muhaddithāt* berdasarkan kurun dan asal mereka di dalam **Bab Kesembilan**. Bab ini penting untuk memahami sejarah perkembangan ulama wanita dalam bidang hadis yang boleh disusun berdasarkan empat fasa penting. Pertama, kurun pertama dan kedua selepas hijrah yang melibatkan ramai wanita meriwayatkan hadis dari kalangan sahabat dan tabi'in. Nama-nama mereka juga telah direkodkan di dalam kitab-kitab hadis seperti Kutub Sittah. Kedua, kurun kedua hingga kurun kelima selepas hijrah yang menunjukkan kuantiti ulama wanita mengalami turun dan naik, berbanding ulama lelaki yang mendadak naik. Ketiga, kurun keenam hingga kurun kesembilan selepas hijrah yang menjadi fasa kemuncak bagi kegemilangan ulama wanita. Jumlah mereka berkembang pesat pada awalnya, tetapi mula menurun pada kurun kesembilan. Keempat, kurun kesepuluh hingga kurun kelima belas selepas hijrah yang menunjukkan penurunan ilmiah yang jelas dalam pengajian Islam termasuk hadis. Penurunan ini tidak khusus kepada ulama wanita, tetapi ulama lelaki juga mengalami hal yang sama. Penulis memberi contoh secara terperinci di dalam setiap fasa, disertai dengan peta-peta lokasi bagi membezakan kemunculan wanita pada zaman-zaman yang tertentu.

Kegemilangan mereka terserlah pada kurun pertama Islam dan berterusan sehingga kurun ke-15 selepas hijrah. Namun bilangan mereka semakin berkurangan dan nama mereka mula dilupakan dek kerana perubahan zaman dan perbezaan pandangan. Penulis juga menyusun nama-nama *muḥaddithāt* berdasarkan lokasi asal mereka yang berasal daripada negara berbeza seperti Hijaz, Iraq, Syam (Syria), Mesri, Spanyol, Maghribi, Khurasan dan Transoxania, dan India.

Buku ini diakhiri dengan **Bab Kesepuluh** yang mengupas tentang peranan wanita di dalam bidang fiqh khususnya sebagai hakim dan mufti. Penulis juga menekankan bahawa ulama wanita tidak wajar hanya dikenali sebagai ‘mereka yang mengajar hadis’ atau ‘mereka yang meriwayatkan hadis’, kerana kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang. Lalu penulis ingin membuktikan bahawa *muḥaddithāt* bukan sahaja pakar di dalam bidang hadis, tetapi berkelayakan untuk berhujah dengan ilmu fiqh. Fiqh bermakna memahami pengesahan undang-undang di dalam teks, dan ia adalah pemahaman terhadap perintah Tuhan yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah.

Penutup

Secara kesimpulan, buku *Al-Muḥaddithat: The Women Scholars in Islam* merupakan sebuah buku yang telah digarap dengan baik secara ilmiah kerana penulisnya berjaya mengumpulkan sejumlah ulama wanita yang menjadi pakar dalam bidang hadis bermula daripada kurun pertama hijrah hingga kurun kelima belas selepas hijrah. Walaupun buku ini adalah pendahuluan awal kepada koleksi biografi yang berjilid besar, tetapi kehadiran buku ini sememangnya ditunggu-tunggu dan menjadi rujukan kepada pelajar dan pengkaji di dalam dan luar dunia akademik. Buku ini juga adalah jawapan kepada tuduhan-tuduhan yang menyatakan bahawa wanita Islam tidak diberikan hak pendidikan dan peluang untuk menuntut ilmu. Islam tidak menyekat hak kebebasan wanita, malah membuka pintu seluas-luasnya kepada para wanita untuk mendalami ilmu kerana peranan ibu, isteri dan anak adalah bukan penghalang utama untuk menjadi seorang yang berilmu.

Oleh yang demikian, ulama wanita mendalami kedua-dua sumber utama ini sebelum mengeluarkan sebarang fatwa. Beberapa ulama telah menegaskan bahawa kredibiliti memberi fatwa tidak bergantung kepada jantina, tetapi kemahiran dan tahap pengetahuan yang jitu terhadap sesuatu isu. Walaupun terdapat perbezaan pandangan di antara ulama lelaki dan wanita, tetapi keputusan akan berpihak kepada yang benar, bukan berdasarkan jantina. Terdapat beberapa contoh di mana wanita menjadi sumber utama di dalam hukum fiqh, seperti yang dilakukan oleh Imam Malik yang bergantung kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Amrah binti Abd Rahman dalam isu yang berkaitan dengan haji. Bab ini diakhiri dengan pandangan penulis bahawa ulama wanita menjadi contoh yang baik kerana ilmu yang mereka miliki disertai dengan amal. Contoh yang dibawa oleh penulis sebagai penutup buku ini adalah pujian Imam al-Dhahabi kepada Umm Zaynab Fatimah binti Abbas al-Baghdadiyyah (w. 714) di atas kemampuan dan kepakaran ilmiahnya serta kebijaksanaannya menyelesaikan masalah. Malah Ibn Kathir mengatakan bahawa beliau membuat sesuatu keputusan yang mungkin tidak mampu dilakukan oleh ulama lelaki.

Latar belakang penulis dan sumbangan pemikirannya adalah antara kekuatan dalam menghasilkan buku ini. Buku ini menunjukkan bahawa wanita telah terlibat dalam tradisi ilmu dalam Islam secara langsung mahupun tidak langsung, dan penglibatan mereka bukan terbatas di dalam ilmu hadis dan agama semata-mata, malah merangkumi bidang ilmu yang pelbagai. Penulis menonjolkan kekuatan *muḥaddithāt* di dalam bukunya yang berupaya menguasai pelbagai bidang dengan menyatakan contoh secara terperinci. Biarpun buku ini merupakan mukaddimah kepada siri buku yang lebih luas, ia merupakan usaha yang sangat besar dan telah pun mendapat respon yang sangat positif dalam kalangan pembaca. Ia dilengkapi dengan rujukan daripada kitab-kitab tradisional yang merupakan sumber primer. Buku ini wajar dijadikan bacaan wajib oleh para akademik dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam bidang hadis, tetapi ia juga tidak begitu berat untuk dijadikan bacaan umum untuk orang awam yang berminat untuk

mendalami budaya ilmu yang telah dipraktikkan oleh para wanita yang bergelar *al-*

muhaddithāt.

Rujukan

Abou-Bakr, Omaima. (2003). Teaching The Words of The Prophet: Women Instructors of The Hadith (Fourteenth and Fifteenth Centuries). *Hawwa*, 1(3), 306–328. doi:10.1163/156920803322765155

Berkey, Jonathan P. (1992). Women and Education in the Mamluk Period. *Women in Middle Eastern History: Shifting Boundaries in Sex and Gender*. New Haven: Yale University Press.

Goldziher, Ignaz. (1977). Women in the Hadith Literature. *Muslim Studies*. Vol.2, 366-368.

Kabbani, M. H., & Bakhtiar, L. (1998). *Encyclopedia of Muhammad's Women Companions and the Traditions They Related*. Chicago: ABC International Group.

Roded, Ruth. (1994). *Women in Islamic Biographical Collections: From Ibn Sa'd to Who's Who*. Colorado & London: Lynne Rienner Publishers.

Sayeed, Asma. (2005). *Shifting Fortunes Women and Hadith Transmission in Islamic History (First to Eighth Centuries)*. Princeton University.

Siddiqi, M. Z. (1993). Women Scholars of Hadith. In *Hadith Literature: Its Origin, Development, Special Feature & Criticism*. Cambridge: The Islamic Texts Society.

The Royal Islamic Strategic Studies Centre. (2018). *The 10th Anniversary Edition, The World's 500 Most Influential Muslims, 2019*. Amman, Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.